SIARAN MEDIA
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

TEMA "FOOD SAFETY: SCIENCE IN ACTION" REFORMASI KAWALAN KESELAMATAN MAKANAN ASAS KEPADA KESIHATAN & KESEJAHTERAAN RAKYAT

Putrajaya, 5 Julai 2025

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Program Keselamatan dan Kualiti Makanan (PKKM) telah menganjurkan **Ekspo Makanan Selamat (eMAS) 2025** dan juga **Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia (*World Food Safety Day* – WFSD)** bertempat di ruang tengah pusat membeli belah Alamanda. Tema sambutan WFSD pada tahun ini adalah **"*Food Safety : Science in Action*"** yang menekankan bahawa **peranan sains dalam reformasi dan kawal selia keselamatan makanan kini menjadi asas kepada kesihatan dan kesejahteraan rakyat**.

Reformasi Kawalan Keselamatan Makanan Berasaskan Sains

Selaras dengan tema WFSD pada tahun ini, penekanan diberikan kepada kepentingan sains sebagai reformasi dalam **penetapan standard makanan** serta **keperluan penilaian risiko** bagi kawalan keselamatan makanan, untuk melindungi kesihatan pengguna dan mempermudahkan perdagangan makanan antarabangsa.

Tema ini digunapakai untuk memperlihatkan dan memperjelaskan bagaimana keputusan berasaskan sains digunakan dalam **merangka standard makanan antarabangsa** Codex, garis panduan, dan amalan terbaik, termasuk penilaian risiko keselamatan makanan. Perkara ini turut dijadikan asas dalam membangunkan standard makanan kebangsaan dan merangka intervensi kawalan keselamatan makanan negara.

Sambutan Hari Keselamatan Makanan Sedunia Peringkat Kebangsaan 2025

Sambutan WFSD saban tahun dilaksanakan sebagai antara **intervensi untuk menekankan kepentingan keselamatan makanan** dalam kalangan masyarakat. Salah satu aktiviti utama adalah Ekspo Makanan Selamat (eMAS)

dan penganjuran pada tahun ini adalah dengan **kolaborasi** bersama Persatuan Keselamatan Makanan Malaysia (MAFSA) serta perasmian telah disempurnakan oleh YB Menteri Kesihatan sendiri.

Dalam majlis sama turut diluncurkan **Modul Pengajaran Latihan Pengendali Makanan Khas bagi Pengendali Makanan Kategori Orang Kelainan Upaya (OKU)** serta acara simbolik penyampaian penghargaan kepada **Rakan Strategik & Kolaborasi Keselamatan dan Kualiti Makanan**. Rakan strategik ini terdiri daripada:

a) Zuspresso (M) Sdn. Bhd.;
b) Secret Recipe Manufacturing Sdn. Bhd;
c) Petronas Dagangan Berhad (Mesra Retail & Cafe Sdn. Bhd.);dan
d) PLUS Malaysia Berhad

Kesemua rakan strategik ini memberikan **komitmen** untuk memastikan semua rangkaian outlet mereka di seluruh Malaysia adalah ke arah **Pengiktirafan Bersih dan Selamat (BeSS)**. Penghargaan rakan strategik turut diberikan kepada Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) atas pelaksanaan modul *Food Safety for Young Generation* (FooYoo) di institut pendidikan tersebut.

Antara pengisian sepanjang ekspo adalah:
i. pameran interaktif;
ii. sesi *pocket talk;*
iii. acara pentas; dan
iv. reruai jualan oleh pihak industri dan pengusaha makanan sediaan di rumah (*homebased food*) yang telah mendapat pensijilan dari KKM.

Sejajar dengan nilai MADANI iaitu *Kesejahteraan*, KKM akan terus melaksanakan pebagai aktiviti advokasi keselamatan makanan kepada setiap lapisan masyarakat melalui pelbagai program dan inisiatif berimpak tinggi. Konsep **Perhati dan Pilih** serta **Lihat Hidu Rasa** sentiasa ditekankan dalam setiap kempen advokasi KKM kerana ia adalah antara langkah paling mudah untuk mengelakkan keracunan makanan. Orang ramai juga boleh melayari laman web PKKM di https://hq.moh.gov.my/fsq/ untuk informasi lanjut berkaitan keselamatan dan kualiti makanan di Malaysia.

Dikeluarkan oleh:
Program Keselamatan dan Kualiti Makanan

Melalui:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kesihatan Malaysia

MALAYSIA MADANI